

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KEBANGSAAN PEJUANG-PEJUANG**  
**KEMERDEKAAN, DI HOTEL GOLDEN LEGACY, MELAKA**  
**23 OGOS 2001**

-----

Kita dahulukan dengan puji-pujian kepada Allah S.W.T dan bersyukur kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul dalam majlis ini untuk memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara.

2. Pada hari ini, kita boleh berbangga kerana sebagai satu bangsa dan sebagai satu negara, kita diiktiraf oleh seluruh dunia sebagai lambang kejayaan negara dunia ketiga ataupun third world success story.

3. Lebih pada itu, banyak Negara Islam dan negara dunia ketiga mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah Negara Islam contoh. Ramai pemimpin-pemimpin negara dunia ketiga dan Negara Islam yang melawat ke negara kita untuk mempelajari dan memahami dasar-dasar kita yang telah membolehkan kita maju sedemikian.

4. Dalam pada kita berbangga dengan kemajuan yang tercapai, kita harus ingat dan tidak lupa sama sekali bahawa segala nikmat yang kita ada pada hari ini tidak akan tercapai jika kita masih lagi dijajah oleh kuasa asing.

5. Kita harus tidak lupa bahawa selama lebih 450 tahun kita menjadi bangsa yang dijajah dan tidak bebas untuk menentukan nasib kita sendiri. Syiar Islam tidak dapat berkembang; nasib bangsa tidak dapat dibela; dan kita hidup dipinggiran manakala penjajah hidup dengan mewah hasil dari titik peluh kita.

6. Kesemua ini berubah hanya apabila kita mencapai kemerdekaan pada tarikh keramat 31 Ogos tahun 1957. Tetapi kemerdekaan tidak datang dengan begitu sahaja. Pemerintah British tidak bangun pada satu pagi dan berkata: let us give these Malaysians their independence. tidak. kemerdekaan kita diperjuangkan dan gerakan kemerdekaan bermula lebih satu ratus tahun dahulu melalui wira-wira negara seperti Mat Kilau, Dato'Maharaja Lela, Dato' Bahaman, Dato' Dol Said, Rosli Dobi, Panglima Mat Salleh dan ramai lagi.

7. Pejuang-pejuang inilah menanam semangat kemerdekaan dalam sanubari kita melalui pengorbanan mereka. Mereka dibunuh, digantung dan dipenjarakan kerana memperjuangkan hak bangsa untuk bebas dari penjajahan untuk menentukan nasib sendiri.

8. Apabila pemerintah British cuba untuk meneruskan rancangan Malayan Union yang bertujuan untuk pinggirkan bangsa Melayu, maka semangat pejuang-pejuang ini bangkit merangsang dikalangan orang-orang Melayu. Maka lahirlah pejuang-pejuang Malaysia moden seperti Dato Onn Jaafar, Panglima Bukit Gantang, Tunku Abdul Rahman dan ramai lagi.

9. Pada hari ini, ramai dari pejuang-pejuang kemerdekaan kita sudah tiada lagi. Kepada pejuang-pejuang kita yang telah kembali ke rahmatullah, marilah kita sedekahkan al-fatimah semoga Allah s.w.t mencucuri rahmat keatas roh mereka. Al-Fatihah.

10. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Melaka yang telah berusaha untuk mengadakan Seminar Kebangsaan Pejuang-pejuang Kemerdekaan sempena dengan sambutan bulan kemerdekaan yang ke 44. Sesungguhnya, seminar ini adalah tepat pada masanya kerana perjuangan tokoh-tokoh pejuang pembina negara dan bangsa mestilah kita ingati setiap masa lebih-lebih lagi sempena menyambut kemerdekaan.

11. Walaupun ramai pejuang kemerdekaan telahpun kembali ke rahmatullah, tetapi masih ada lagi yang bersama-sama kita pada hari ini. Bagi tokoh-tokoh pejuang kita yang ada pada hari ini, negara dan rakyat Malaysia mengucapkan penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga di atas segala pengorbanan mereka. tanpa mengenal penat lelah dan dengan pengorbanan serta kebijaksanaan mereka mengatur kegiatan mencari kemerdekaan melalui cara damai demi untuk membina negara bangsa Malaysia. Tanpa usaha mereka, kita tidak akan menikmati kemakmuran dan kemerdekaan.

12. Buat seketika, cuba kita bayangkan apa kah nasib kita jika kita masih lagi dijajah.

13. Hari ini kita duduk bersama di hotel mewah, tuan dibumi sendiri. Tetapi 50 tahun dahulu, tempat-tempat seperti ini dan kelab-kelab hanya dipenuhi dengan orang berkulit putih. Kita hanya menjadi pelayan di bar dan restoran dan setiap ungkapan semasa kita bercakap dengan pemerintah British dimulakan dengan "ya, tuan" dan diakhiri dengan "ya tuan".

14. Sekolah tidak mencukupi kerana untuk pemerintah, rakyat yang terpelajar merupakan satu bahaya kerana orang terpelajar, pada anggapan mereka, adalah orang yang boleh berfikir dan akan menyoal mengapa mereka harus dijajah.

15. Hospital dan kemudahan kesihatan disediakan ala kadar sahaja kerana kepada penjajah, rakyat sihat mungkin menjadi penentang yang merbahaya.

16. Kekayaan dari sumber hasil bumi kita seperti getah dan bijih timah digunakan mereka untuk membina jambatan dan bangunan dan lain-lain kemudahan dinegara mereka sendiri.

17. Orang putih atau orang kuning tidak ada beza jika mereka menjajah. Semasa perang dunia ketiga, nenek- moyang kita dipaksa tunduk kearah matahari terbit untuk menunjukkan hormat kepada Negara Jepun. Mereka yang degil dihadiahkan dengan dipancung kepala mereka atau diseksa dan ditampar. Jika ke pantai lalu dihadapan kita, kita terpaksa berhentikan segala-galanya dan tunduk hormat kepada mereka. bayangkan, saudara- saudari, bayangkan.

18. Di Negeri Melaka yang bersejarah ini, saudara- saudari menghadapi ribuan pelancong, baik kulit putih, kuning, langsung atau hitam. Bayangkan jika setiap kali mereka lalu dihadapan kita, saudara-saudari terpaksa tunduk hormat. Bayangkan tendangan dan tamparan pada muka saudara-saudari jika saudara saudari berani menoleh kearah muka mereka. Apakah akan menjadi kepada satu bangsa yang dipijak dan ditakluki seperti ini?

19. Alhamdulillah. Syukur alhamdulillah bahawa Allah s.w.t. telah mengurniakan kita dengan pejuang-pejuang yang mempelopori kemerdekaan untuk kita.

20. Disini, saya ingin mengingatkan rakyat Malaysia bahawa banyak iktibar yang boleh kita ambil dari pengalaman dan tindak tanduk pejuang-pejuang kemerdekaan kita. Kita harus menyoal bagaimanakah mereka boleh menjadi penyuluh jalan untuk mengisi dan mempertahankan kemerdekaan? Bagaimanakah kita dapat meraih kehebatan yang kita alami sekarang? Jawapan kepada soalan-soalan inilah harus dijadikan tunjang dalam setiap kegiatan dan nafas untuk membangunkan negara kita, Negara Malaysia.

21. Perasaan cintakan bangsa dan negara sentiasa menjadi pendekatan yang paling penting tokoh-tokoh kemerdekaan yang lepas. Mereka hanya mengutamakan kepentingan tanah air dan membelakangkan sama sekali kepentingan peribadi.

22. Pejuang-pejuang ini telah berkorban untuk mempertahankan negeri dari terjajah. Ada yang kecundang, ada yang dibuang negeri, ada yang dibunuh dan dihukum gantung. Namun, semangat mereka tidak pernah patah. Merekalah yang telah membangkitkan semangat nasionalisme yang akhirnya membawa kita kepada kemerdekaan. Semangat nasionalisme inilah yang sekali lagi menyelamatkan negara apabila kita menghadapi bahaya jajahan ekonomi semasa krisis ekonomi dan matawang tempoh hari.

23. Penjajahan dalam apa bentuk sekali pun adalah amat buruk dan merendahkan martabat bangsa sehingga kita menjadi `kurang yakin dengan kebolehan sendiri'. Kita dipandang hina kerana kemiskinan harta dan kemunduran ilmu pengetahuan. Segala hasil mahsul negeri dieksploitasi dan tanah kampung dicerobohi dengan sewenang-wenangnya. Kita tidak dapat bersuara dan mengecapi kemakmuran dan kuasa politik. Inilah sebabnya tokoh-tokoh pejuang idea kemerdekaan kita seperti Syed Sheikh Al-hadi, Za'ba, Dato' Onn Jaafar, Ibrahim Yaakob, Dr. Ishak haji Mohamad dan ramai penulis dan sasterawan mengangkat pena menyedarkan kita untuk menuntut kemerdekaan mental, ekonomi, pendidikan dan politik daripada belunggu minda yang beku dan tertutup serta penjajahan yang mencengkam jika dan fizikal mereka.

24. Parti UMNO telah dilahirkan hasil kesedaran padu bangsa Melayu untuk menentang penjajahan mutlak ke atas tanah air kita. Melalui UMNO, bukan sahaja Raja-raja Melayu berpolitik bersama rakyat Melayu, tetapi juga golongan-golongan ulama dan radikal Melayu turut sama menentang Malayan Union. Dengan kebijaksanaan membaca politik British dan Parti Komunis Malaya, Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmad Kamil, Haji Abdullah Fahim, Dr. Burhanuddin Al-helmi dan ramai lagi perintis- perintis UMNO telah dapat menegakkan ketuanan Melayu dengan perjuangan UMNO yang tegas, yang menjadi wadahnya di sepanjang masa kehidupan dan survival bangsa dan Negara Malaysia.

25. Kerjasama politik yang ditaja oleh pemimpin- pemimpin kemerdekaan Tanah Melayu dan Malaysia seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Tan Cheng Lock, Tun Sambanthan, Tun Datu Mustapha Harun, Tun Fuad Stephen dan Tun Temenggong Jugah serta ramai lagi mengajar kita bagaimana menghargai musyawarah sebagai satu pendekatan politik yang dituntut oleh Islam dan sejagat. Pembinaan dan pengisian kemerdekaan yang berteraskan kepada perjuangan kesejahteraan umat dan kemakmuran negara yang menjadi matlamat dan amanah yang dipikul dengan baik oleh tokoh pasca merdeka seperti Tun Hussein Onn dan Dato' Seri Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, menjadi kayu pengukur kepada keupayaan generasi kita melanjutkan semangat kemerdekaan yang bererti

bebas menentukan hala tuju, kehendak dan pendirian kita sendiri dalam mendaulatkan survival dan Negara Malaysia wajarlah menjadi mutiara jati diri bangsa tinggalan tokoh-tokoh pejuang dan pengisi kemerdekaan yang amat berharga kepada kita. Dengan semangat dan keyakinan inilah kepentingan pejuang-pejuang dan pemimpin-pemimpin lama dan baru akan terus dapat ditonjolkan bagi membina jati diri negara dan bangsa Malaysia.

26. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam ini hendaklah dikenang. Sumbangan pejuang-pejuang ini memberi pengajaran dan panduan kepada kita semua bagi membangunkan negara ini. Sebaik-baik mengenang jasa- jasa mereka ialah dengan mengabdikan dalam bentuk buku, video, cd dan sebagainya. Saya juga ingin melihat golongan hartawan dan dermawan kita tampil ke muka untuk mengambil projek-projek mengumpulkan bahan-bahan tentang pengorbanan pejuang-pejuang tanah air kita. Saya sedar projek ini tidak membawa keuntungan tetapi ingatlah kebebasan yang kita perolehi ini sehingga kita boleh menjadi kaya raya adalah hasil pengorbanan tokoh- tokoh zamam silam. Sumbangan dari segi kewangan membawa erti yang besar kepada sejarah, ilmu dan negara.

27. Hari ini kita menghadapi berbagai cabaran dan usaha-usaha untuk menghalang pencapaian kita. Kita akan gagal jika kita membenarkan cabaran dan usaha ini membawa kepada perpecahan di kalangan kita. Cabaran ini bukan sahaja datang dari luar tetapi cabaran ini juga turut disambut oleh segelintir masyarakat kita. Mereka percaya dengan sokongan luar mereka boleh menjatuhkan kerajaan yang dipilih melalui pilihanraya. Puak ini terbawa-bawa dengan pelbagai dakwaan dan fitnah yang disebarkan oleh pihak-pihak ini. Kita kena sedar bahawa negara sudah sampai ke titik peralihan untuk menuju negara maju, Wawasan 2020. Kita tidak harus membuang masa berpolitik di luar musim pilihanraya dan bertikam lidah semata-mata untuk menegakkan benang yang basah.

28. Sudah tiba masanya semua pihak, tanpa mengira fahaman politik dan ideologi untuk sama-sama berganding bahu mengatasi banyak penyakit sosial yang melanda anak- anak muda kita. Mengatasi masalah sosial bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata. Kita kena ambil iktibar bagaimana pejuang-pejuang kita terdahulu berganding bahu bersama-sama menentang penjajahan, mengusir Inggeris dan Jepun dari bumi kita ini. Cara ini yang sepatutnya dilakukan oleh semua pihak untuk membasmi segala macam penyakit sosial yang melanda masyarakat kita hari ini. Semangat juang mereka itu harus sama ada dalam diri kita.

29. Dalam seminar empat hari di Melaka negeri bersejarah `di mana segalanya bermula' saya harap kita akan dapat melihat kepentingan tokoh-tokoh kemerdekaan negara kepada pembinaan jati diri dan patriotisme negara Bangsa Malaysia.

30. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah di atas usaha Kerajaan Negeri yang telah mengadakan seminar ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan negeri khususnya Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) yang telah bersama-sama menjayakan seminar ini.

31. Saya yakin seminar ini akan dapat dimanfaatkan oleh generasi pada masa ini dan pada masa akan datang. Dengan harapan dan keyakinan itu, saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, merasmikan "Seminar Kebangsaan Pejuang-pejuang Kemerdekaan".

Terima kasih.